

09/07/2002

Dr M tiada cita-cita pegang jawatan antarabangsa

KUCHING, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak bercadang memegang sebarang jawatan dalam mana-mana pertubuhan antarabangsa selepas bersara, Oktober tahun depan.

"Sebaliknya, saya akan berehat dan membantu parti Umno dan kerajaan sekiranya diperlukan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Bangunan Masja di Petra Jaya di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak mempunyai cita-cita untuk memegang apa-apa jawatan dalam pertubuhan antarabangsa seperti Setiausaha Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), kerana sudah tua, berumur 77 tahun.

"Saya nak duduk di rumah dan membantu parti Umno dan kerajaan sekiranya mereka memerlukannya dan mungkin sekali sekala memberi pandangan di arena antarabangsa termasuk ceramah sekiranya diminta," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan berlaku rombakan Kabinet termasuk pelantikan Menteri Kewangan baru, Dr Mahathir enggan mengulas dan berkata: "Mungkin, apa-apa saja boleh berlaku."

Beliau juga tidak mahu memberi sebarang komen mengenai pergolakan di dalam parti komponen BN Sarawak, Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) yang kini mempunyai dua Presiden, iaitu penyandang Tan Sri James Wong dan Timbalannya, Peter Tinggom.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak mahu masuk campur tangan dan biarkan mereka menyelesaikannya sendiri.

Sementara itu, pada sidang akhbar yang sama, Ketua Menteri yang juga Presiden PBB, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, berkata beliau akan berundur daripada politik dan kerajaan apabila tiba masa yang sesuai.

Ketika ditanya adakah beliau terfikir untuk bersara selepas 22 tahun sebagai Ketua Menteri dan Presiden PBB, Abdul Taib berkata: "Saya akan letak jawatan bila tiba masanya."

Soalan itu timbul berikutan pengumuman Dr Mahathir mahu meletak jawatan sebagai Presiden Umno dan Perdana Menteri, mulai Oktober tahun depan.

Abdul Taib yang menjadi Ketua Menteri Sarawak sejak 1981 menang tanpa tanding sebagai Presiden PBB dalam pemilihan jawatan parti baru-baru ini, jawatan yang disandanginya sejak 22 tahun lalu.